



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# **KUPASAN MUTU JAWAPAN**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)  
TAHUN 2021

**MATEMATIK KERTAS 2  
1449/2**

**1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod Mata Pelajaran	:	1449/2
Bentuk Ujian	:	Subjektif
Markah	:	100 markah
Masa	:	2 jam 30 minit

**1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**

- Bahagian A** : Mengandungi 10 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan **40 markah.**
- Bahagian B** : Mengandungi 5 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan **45 markah.**
- Bahagian C** : Mengandungi 2 soalan. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Bahagian ini memperuntukkan **15 markah.**

## **2.0 PRESTASI CALON**

### **2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A**

#### **2.1.1 Prestasi Keseluruhan**

Pada keseluruhannya, calon kurang memahami kehendak soalan yang dikemukakan dengan baik dan tidak berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Majoriti calon tidak dapat menjawab sebahagian besar soalan dengan sempurna.

#### **2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon**

##### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat memahami soalan yang dikemukakan dengan baik dan berupaya memberi jawapan. Langkah kerja yang ditunjukkan adalah lengkap. Mereka juga boleh mengaplikasikan rumus dan kaedah yang betul serta memberi penyelesaian dengan tepat. Selain itu, mereka berupaya untuk menyelesaikan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

##### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka hanya mampu menjawab beberapa soalan tertentu sahaja. Calon dalam kumpulan ini tidak berupaya menggunakan maklumat yang diberikan dalam soalan KBAT untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka lebih berupaya menyelesaikan soalan aras kesukaran rendah dan sederhana sahaja.


## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### SOALAN 1

- 1 Diberi bahawa perimeter sebuah segi empat sama ialah  $4x + 4$ .  
Ungkapkan luas segi empat sama itu dalam sebutan  $x$ .  
*It is given that the perimeter of a square is  $4x + 4$ .  
Express the area of the square in terms of  $x$ .*

Calon dikehendaki **mengungkap** luas segi empat sama dalam sebutan  $x$ .

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi




The image shows a handwritten solution on a light blue background. On the left, the perimeter  $4x + 4$  is divided by 4 to find the side length  $x + 1$ . To the right, a square is drawn with side length  $x + 1$  and tick marks on all four sides. Below the diagram, the area is calculated as  $(x + 1)(x + 1) = x^2 + 2x + 1$ .

$$\frac{4x + 4}{4} = x + 1$$

Luas segi empat sama  
 $= (x + 1)(x + 1)$   
 $= x^2 + x + x + 1$   
 $= x^2 + 2x + 1$

Calon memahami kehendak soalan dengan mengungkap luas segi empat sama dalam sebutan  $x$  dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



$$\begin{aligned} & [(x+1) + (x+1)] + [(x+1) + (x+1)] \\ & 2x+2 + 2x+2 \end{aligned}$$

$$= 4x+4$$

$$(x+1)(x+1)$$

$$x^2 + x + x + 1$$

$$0 = x^2 + 2x + 1$$


$$0 = (x+1)(x+1)$$

$$x = -\frac{1}{2}$$

Calon dapat mengungkap luas segi empat sama dalam sebutan  $x$  tetapi calon meneruskan jalan kerja dengan mencari punca bagi ungkapan tersebut.

**SOALAN 2 (a)**

- 2 Rajah 1 menunjukkan lima keping kad nombor yang disusun mengikut suatu jujukan.  
*Diagram 1 shows five numbered cards that have been arranged according to a sequence.*



Rajah 1  
*Diagram 1*

- (a) Nyatakan nilai  $J$  dan nilai  $K$ .  
*State the value of  $J$  and of  $K$ .*

Calon dikehendaki **menyatakan** nilai  $J$  dan nilai  $K$  dalam jujukan yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(a)  $J = \frac{1}{6}$   
 $K = \frac{7}{3}$

Calon dapat menyatakan nilai  $J$  dan nilai  $K$  dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

(a)  $J = \frac{5}{6}$   
 $K = \frac{7}{3}$

Calon hanya dapat menyatakan satu nilai  $J$  atau  $K$  sahaja.

**SOALAN 2 (b)**

(b) Seterusnya, nyatakan pola bagi jujukan itu.

*Hence, state the pattern of the sequence.*

Calon dikehendaki **menyatakan** pola bagi jujukan yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**


menambah  $\frac{2}{3}$  pada nombor sebelumnya

Calon dapat menyatakan pola jujukan yang diberi dengan tepat.

### Soalan 3 (a)

Rajah 2 menunjukkan keratan rentas sebuah tangga.

Diagram 2 shows the cross-section of a staircase.



Rajah 2  
Diagram 2

Diberi bahawa kecerunan tangga ialah 0.25.

It is given that the gradient of the staircase is 0.25.

(a) Hitung sudut antara tangga dengan lantai.

Calculate the angle between the staircase and the floor.

Calon dikehendaki **menghitung** sudut antara tangga dan lantai berdasarkan rajah yang diberi.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{gradient} &= \frac{1}{4} & \tan \theta &= \frac{1}{4} \\ & & \theta &= 14.04^\circ \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung sudut antara tangga dan lantai dengan tepat menggunakan nisbah trigonometri yang betul.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \tan \theta &= \frac{1.5}{6} \\ &= 14.6^\circ \end{aligned}$$

Calon menggunakan nisbah trigonometri yang betul tetapi memberi jawapan akhir yang salah.



### SOALAN 3 (b)

(b) Seterusnya, hitung panjang, dalam m, pemegang tangan itu.

*Hence, calculate the length, in m, of the handrail.*

Calon dikehendaki **menghitung** panjang pemegang tangan.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\text{length of handrail} = z$$

$$\sin 14.04^\circ = \frac{1.5}{z}$$

$$z = 6.1830$$

$$\text{length of handrail} = 6.1830$$

Calon dapat menghitung panjang pemegang tangan dengan tepat menggunakan Teorem Pythagoras.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\frac{\text{handrail}}{\sin 90} = \frac{1.5}{\sin 22.02^\circ}$$


$$\text{Handrail} = 4.0 \text{ m}$$

Calon menggunakan sudut yang salah, diperoleh daripada soalan 3 (a), tetapi menggunakan nisbah trigonometri yang betul.

#### SOALAN 4

- 4 Rajah 3 menunjukkan harga bagi dua set sofa dalam dua asas nombor yang berbeza.

*Diagram 3 shows the price of two sets of sofa in two different number bases.*



Rajah 3  
Diagram 3

Tentukan sofa yang lebih murah.

*Determine the cheaper sofa.*

Calon diminta **menentukan** sofa yang lebih murah berdasarkan harga 2 jenis sofa yang berlainan asas nombor.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\text{Sofa M : } 547_9 &= (5 \times 9^2) + (4 \times 9) + 7 \\ &= 448_{10}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Sofa N : } 2441_6 &= (2 \times 6^3) + (4 \times 6^2) + (4 \times 6) + 1 \\ &= 601_{10}\end{aligned}$$

$\therefore$  Sofa M is cheaper because RM 448 < RM 601

Jawapan menunjukkan calon dapat menukar harga kedua-dua sofa kepada asas sepuluh untuk menentukan sofa yang lebih murah.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}\text{Sofa M} &= \text{RM}547_9 \\ &= (5 \times 9^2) + (4 \times 9) + (7 \times 9^0) \\ &= \text{RM}448\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Sofa N} &= \text{RM}2441_6 \\ &= (2 \times 6^3) + (4 \times 6^2) + (4 \times 6) + (1 \times 6^0) \\ &= \text{RM}601\end{aligned}$$

Sofa N lebih murah berbanding Sofa M.

Calon dapat menukar harga kedua-dua sofa kepada nombor asas sepuluh namun tidak dapat membuat kesimpulan yang betul.

### SOALAN 5 (a)

- 5 Puan Zakiah, seorang pereka tudung mendapati bahawa bilangan tudung yang dijual,  $N$  berubah secara langsung dengan bajet pengiklanan,  $D$  dan secara songsang dengan harga sehelai tudung,  $P$ . Apabila RM5 000 diperuntukkan untuk iklan dan harga sehelai tudung ialah RM80, didapati bahawa 480 helai tudung telah terjual.

*Puan Zakiah, a headscarf designer found that the number of headscarfs sold,  $N$  varies directly as the advertising budget,  $D$  and inversely as the price of a headscarf,  $P$ . When RM5 000 is allocated on advertisement and the price of a headscarf is RM80, it is found that 480 headscarfs were sold.*

- (a) Ungkapkan  $N$  dalam sebutan  $D$  dan  $P$ .

*Express  $N$  in terms of  $D$  and  $P$ .*

Calon dikehendaki **mengungkap**  $N$  dalam sebutan  $D$  dan  $P$ .

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$N \propto \frac{D}{P} \quad \therefore N = \frac{7.68D}{P}$$

$$N = \frac{kD}{P}$$

$$480 = \frac{k(5000)}{80}$$

$$k = 7.68$$

Calon dapat mengungkap  $N$  dalam sebutan  $D$  dan  $P$  daripada maklumat yang diberi dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$N = \frac{D}{P}$$

$$480 = \frac{5000k}{80}$$

$$38400 = 5000k$$

$$k = 7.68$$

Calon dapat menghitung nilai  $k$  yang betul tetapi tidak mengungkap  $N$  dalam sebutan  $D$  dan  $P$ .

### Soalan 5 (b)

- (b) Seterusnya, cari bilangan tudung yang mungkin terjual jika bajet pengiklanan ialah RM75 000 dan harga sehelai tudung tidak berubah.

*Hence, find the number of headscarfs that might be sold if the advertising budget is RM75 000 and the price of a headscarf remains the same.*

Calon dikehendaki **mencari** bilangan tudung yang mungkin terjual jika bajet pengiklanan ialah RM75000 dan harga sehelai tudung tidak berubah.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

when budget = 75000, price of headscarf = 80

$$N = \frac{7.68(75000)}{80}$$

$$= 7200$$

Calon dapat mencari bilangan tudung seperti kehendak soalan dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$75000 = \frac{2500}{3} D$$

$$D = 80(75000) \left( \frac{3}{2500} \right)$$

$$D = \text{RM}7200$$

Calon menggunakan nilai pemalar yang salah daripada soalan 5 (a) tetapi menggantikan nilai dengan cara yang betul dalam persamaan ubahan yang diperolehi.

### SOALAN 6 (a)

- 6 (a) Pada tahun 2020, Kamil menerima gaji tahunan sebanyak RM56 000. Dia menderma RM200 kepada perpustakaan negeri pada tahun itu. Jadual 1 menunjukkan pelepasan cukai yang ingin dituntut oleh Kamil.

*Kamil received annual salary of RM56 000 in 2020. He donated RM200 to the state library in that year. Table 1 shows the tax reliefs to be claimed by Kamil.*

<b>Pelepasan Cukai Tax Relief</b>	<b>Amaun (RM) Amount (RM)</b>
Individu <i>Individual</i>	9 000
Insurans hayat dan KWSP (had RM7 000) <i>Life insurance and EPF (limited to RM7 000)</i>	1 800
Insurans perubatan (had RM3 000) <i>Medical insurance (limited to RM3 000)</i>	3 120

Jadual 1  
Table 1

Hitung pendapatan bercukai Kamil pada tahun 2020.

*Calculate Kamil's chargeable income in 2020.*

Calon dikehendaki **menghitung** pendapatan bercukai Kamil.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{Chargeable income} &= 56\,000 - 200 - 9\,000 - 1\,800 - 3\,000 \\ &= \text{RM } 42\,000 \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung pendapatan bercukai Kamil dengan mengambil kira semua pelepasan cukai dan derma yang telah diberi.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} &56\,000 - 200 - 9\,000 - 1\,800 - 3\,000 \\ &= 42\,000 \end{aligned}$$

Calon menghitung dengan kaedah yang betul tetapi cuai dalam melakukan pengiraan.

### SOALAN 6 (b)

- (b) Athar membeli sebuah polisi insurans perubatan dengan fasal penyertaan peratusan ko-insurans 90/10 dan peruntukan deduktibel sebanyak RM2 000. Dia telah menjalani suatu pembedahan di hospital dan kos rawatannya berjumlah RM27 000.

Hitung jumlah kos yang perlu ditanggung oleh Athar.

*Athar bought a medical insurance policy with 90/10 co-insurance percentage participation clause and a deductible provision of RM2 000. He underwent a surgery at a hospital and his treatment cost was RM27 000.*

*Calculate the total cost borne by Athar.*

Calon dikehendaki **menghitung** jumlah kos rawatan perubatan yang ditanggung oleh pemegang polisi insurans.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{After deductible} &= 27\,000 - 2\,000 \\ &= \text{RM } 25\,000 \\ \text{Cost borne by Athar} &= \frac{10}{100} \times 25\,000 + 2\,000 \\ &= \text{RM } 4\,500 \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung jumlah kos rawatan perubatan yang ditanggung oleh pemegang polisi insurans dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana


$$\begin{aligned} &= 27\,000 - 2\,000 \\ &= 25\,000 \\ &= \frac{10}{100} \times 25\,000 \\ &= \text{RM } 2\,500 \end{aligned}$$

Calon dapat menghitung peratus ko-insurans yang ditanggung oleh pemegang polisi tetapi tidak menambah deduktibel sebagai jumlah kos yang perlu dibayar.

### SOALAN 7 (a)

- 7 Rajah 4 menunjukkan kedudukan rumah Liza, rumah Nina dan Taman Rekreasi yang dilukis pada suatu satah Cartes.

*Diagram 4 shows the locations of Liza's house, Nina's house and Recreational Park drawn on a Cartesian plane.*



Rajah 4  
Diagram 4

- (a) Nyatakan persamaan garis lurus yang menghubungkan rumah Liza dan rumah Nina.

*State the equation of the straight line that connects Liza's house and Nina's house.*

Calon dikehendaki **menyatakan** persamaan garis lurus yang menghubungkan rumah Liza dan rumah Nina.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a)  $y = 3$

Calon dapat menyatakan persamaan garis lurus yang menghubungkan rumah Liza dan rumah Nina dengan tepat.



**SOALAN 7 (b)(i)**

(b) Liza berbasikal dari rumahnya ke Taman Rekreasi yang berjarak 13 km.

*Liza cycles from her house to Recreational Park which covers a distance of 13 km.*

(i) Cari nilai  $h$ .

*Find the value of  $h$ .*

Calon dikehendaki **mencari** nilai  $h$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$\begin{aligned}\sqrt{(8-3)^2 + (2-h)^2} &= 13 \\ 25 + (2-h)^2 &= 169 \\ 4 - 4h + h^2 &= 144 \\ h^2 - 4h - 140 &= 0 \\ (h-14)(h+10) &= 0 \\ h = 14, h = -10 \\ &\downarrow \\ &\text{rejected} \\ h &= -10\end{aligned}$$

Calon dapat mencari nilai  $h$  dengan menggunakan rumus jarak.

**SOALAN 7 (b)(ii)**

- (ii) Jalan yang menghubungkan rumah Liza dan Taman Rekreasi adalah selari dengan jalan yang menghubungkan rumah Nina dan sekolah.

Cari persamaan garis lurus yang mewakili jalan dari rumah Nina ke sekolah.

*The road that connects Liza's house and Recreational Park is parallel to the road that connects Nina's house and the school.*

*Find the equation of the straight line that represents the road from Nina's house to the school.*

Calon dikehendaki **mencari** persamaan garis lurus yang mewakili jalan dari rumah Nina ke sekolah.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

- (ii) gradient of Liza's house to the recreational park = gradient of Nina's house to the school

$$\text{gradient} = \frac{8-3}{2-10}$$

$$= \frac{5}{12}$$

$$y = \frac{5}{12}x + c$$

$$3 = \frac{5}{12}(2) + c$$

$$c = \frac{13}{6}$$

$$y = \frac{5}{12}x + \frac{13}{6}$$

Calon dapat mencari kecerunan, menggantikan nilai tersebut dalam rumus persamaan garis lurus untuk mendapatkan nilai pintasan- $y$  dan seterusnya menulis persamaan garis lurus yang dikehendaki.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$m = \frac{8-3}{2-10}$$
$$= -\frac{5}{8}$$

$$(2, 3)$$
$$y = -\frac{5}{8}x + c$$

$$3 = -\frac{5}{8}(2) + c$$

$$c = \frac{17}{4}$$

$$\therefore y = -\frac{5}{8}x + \frac{17}{4}$$

Calon menggunakan nilai  $h$  yang salah dari (b) (i) untuk mencari kecerunan, menggantikan nilai tersebut dalam rumus persamaan garis lurus untuk mendapatkan nilai pintasan- $y$ . Akibatnya, calon menulis persamaan garis lurus yang salah.

## SOALAN 8

- 8 Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian Matematik kelas 5 Yakin.  
Table 2 shows the result of Mathematics test of 5 Yakin.

Murid lelaki Boys		Murid perempuan Girls	
Lulus Passed	Gagal Failed	Lulus Passed	Gagal Failed
$x$	7	$y$	5

Jadual 2  
Table 2

Diberi bahawa kebarangkalian murid yang gagal ujian itu ialah  $\frac{1}{3}$  dan bilangan murid perempuan yang lulus ialah dua kali bilangan murid lelaki yang lulus ujian itu. Cari nilai  $x$  dan nilai  $y$ .

*It is given that the probability of students who failed the test is  $\frac{1}{3}$  and the number of girls who passed is twice the number of boys who passed the test. Find the value of  $x$  and of  $y$ .*

- 8 Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian Matematik kelas 5 Yakin.  
Table 2 shows the result of Mathematics test of 5 Yakin.

Murid lelaki Boys		Murid perempuan Girls	
Lulus Passed	Gagal Failed	Lulus Passed	Gagal Failed
$x$	7	$y$	5

Jadual 2  
Table 2

Diberi bahawa kebarangkalian murid yang gagal ujian itu ialah  $\frac{1}{3}$  dan bilangan murid perempuan yang lulus ialah dua kali bilangan murid lelaki yang lulus ujian itu. Cari nilai  $x$  dan nilai  $y$ .

*It is given that the probability of students who failed the test is  $\frac{1}{3}$  and the number of girls who passed is twice the number of boys who passed the test. Find the value of  $x$  and of  $y$ .*

Calon dikehendaki mencari nilai  $x$  dan nilai  $y$  berdasarkan Jadual 2.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{Failed} &= \frac{7+5}{7+5+x+y} = \frac{1}{3} \\ \frac{12}{12+x+y} &= \frac{1}{3} \quad \text{--- (1)} \\ \text{Girls passed} &= y = 2x \quad \text{--- (2)} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Sub (2) into (1)} \\ 3(12) &= 12+x+2x \\ 36 &= 12+3x \\ 24 &= 3x \\ x &= 8 \\ y &= 2(8) \\ y &= 16 \end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan linear serentak menggunakan hubungan kebarangkalian yang diberi dengan betul. Seterusnya, calon menyelesaikan persamaan linear serentak untuk mendapatkan nilai  $x$  dan nilai  $y$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\frac{7+5}{x+y+12} = \frac{1}{3}$$

$$\frac{12}{x+y+12} = \frac{1}{3}$$

$$y = 2x$$

$$x + y = 24$$

$$x + 2x = 24$$

$$3x = 24$$

$$x = 8$$

$$12 = \frac{1}{3}(12 + 2x^2)$$

$$12 = 4 + \frac{2}{3}x^2$$

$$4 + \frac{2}{3}x^2 = 12$$

$$\frac{2}{3}x^2 = 8$$

$$x^2 = 12$$

$$x = \sqrt{12}$$

$$y = 2(\sqrt{12})$$

$$y = 2 \times \sqrt{12}$$

$$y = 2\sqrt{12}$$

$$y = 4\sqrt{3}$$

$$y = 6.9117$$

Calon dapat membentuk persamaan linear serentak menggunakan hubungan kebarangkalian yang diberi dengan betul tetapi tidak dapat menyelesaikan persamaan linear serentak tersebut.

### SOALAN 9 (a)

- 9 (a) Muaz bekerja sebagai seorang pegawai sains di sebuah hospital. Pendapatan dan perbelanjaan bulannya masing-masing ialah RM3 200 dan RM1 950. Dia merancang untuk membeli sebuah motosikal yang berharga RM14 400 secara tunai dalam tempoh setahun.

Adakah Muaz akan mencapai matlamat kewangannya? Jelaskan.

*Muaz works as a science officer in a hospital. His monthly income and expenses are RM3 200 and RM1 950 respectively. He plans to buy a motorcycle that costs RM14 400 in cash within a year.*

*Will Muaz achieve his financial goal? Explain.*

Calon perlu **menjelaskan** sama ada Muaz dapat mencapai matlamat kewangannya untuk membeli motosikal yang berharga RM14400 dalam tempoh setahun.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\text{Surplus of income} &= 3200 - 1950 \\ &= \text{RM } 1250\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{total savings} &= 1250 \times 12 \\ &= \text{RM } 15000\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Balance} &= 15000 - 14400 \\ &= \text{RM } 600\end{aligned}$$

$$\text{RM } 15000 > \text{RM } 14400$$

*∴ YES because his savings in the end of the year will be RM 15000 which is RM 600 more than the cost of the motorcycle, RM 14400*

Calon dapat menjelaskan bahawa Muaz dapat mencapai matlamat kewangannya untuk membeli motosikal dalam tempoh setahun dengan bukti pengiraan aliran tunai Muaz.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\frac{14400}{12} = 1200$$

$$3200 - 1950 - 1200 = 50$$

*tidak kerana wang simpanan kurang*

Calon tidak dapat menjelaskan bahawa Muaz dapat mencapai matlamat kewangannya untuk membeli motosikal dalam tempoh setahun walaupun bukti pengiraan aliran tunai Muaz telah ditunjukkan.

### SOALAN 9 (b)

- (b) Jozef merupakan seorang pensyarah muda di sebuah kolej swasta dan dia menerima pendapatan bulanan sebanyak RM4 000. Ketika waktu lapang, dia bekerja sebagai tutor persendirian dan pemandu e-hailing. Pada suatu bulan tertentu, Jozef mempunyai perbelanjaan tetap dan tidak tetap sebanyak RM3 200.

Jika Jozef mempunyai aliran tunai positif sebanyak RM1 850 pada bulan tersebut, hitung pendapatannya yang diperoleh dari kerja sampingan.

*Jozef is a young lecturer in a private college and he receives a monthly income of RM4 000. During his free time, he works as a private tutor and an e-hailing driver. In a particular month, Jozef has a fixed and variable expenses of RM3 200.*

*If Jozef has a positive cash flow of RM1 850 in that month, calculate his income earned from the part time job.*

Calon diminta **menghitung** pendapatan Jozef yang diperoleh daripada kerja sampingan apabila nilai aliran tunai positif diberi.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\text{Total Income} &= 4000 + x \\ \text{Surplus of Income} &= 4000 + x - 3200 = 1850 \\ x + 800 &= 1850 \\ x &= 1050 \\ &= \text{RM } 1050\end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan aliran tunai positif dengan betul dan seterusnya menyelesaikan persamaan tersebut untuk mendapatkan nilai pendapatan daripada kerja sampingan dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}4000 + x - 3200 &= 1850 \\ 4000 + x &= 5050 \\ x &= 9050\end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan aliran tunai positif dengan betul tetapi cuai dalam menyelesaikan persamaan tersebut untuk mendapatkan nilai pendapatan daripada kerja sampingan dengan tepat.

**SOALAN 10 (a)**

**10** Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan markah bagi sekumpulan murid.

*Table 3 shows the frequency distribution of marks of a group of students.*

Markah Mark	Bilangan murid Number of student
40 – 44	3
45 – 49	6
50 – 54	$m$
55 – 59	16
60 – 64	10
65 – 69	4

Jadual 3  
Table 3

(a) Diberi bahawa markah min ialah 55.6, cari nilai  $m$ .

*Given that the mean mark is 55.6, find the value of  $m$ .*

Calon diminta **mencari** nilai  $m$  apabila markah min diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

midpoint
42
47
52
57
62
67

$$\text{mean} = \frac{3(42) + 6(47) + m(52) + 16(57) + 10(62) + 4(67)}{3 + 6 + m + 16 + 10 + 4} = 55.6$$

$$2208 + 52m = 55.6(39 + m)$$

$$2208 + 52m = 2168.4 + 55.6m$$

$$3.6m = 39.6$$

$$m = 11$$

Calon dapat mencari nilai  $m$  menggunakan rumus min dengan tepat.



**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$\begin{array}{r} 42(3) + 47(6) + 52(m) + 57(16) \\ + 62(10) + 67(4) \\ \hline 3 + 6 + m + 16 + 10 + 4 \\ \hline \frac{52m + 2208}{m + 29} = 55.6 \end{array}$$

Calon dapat membentuk persamaan menggunakan rumus min dengan betul tetapi tidak dapat menyelesaikan persamaan tersebut untuk mencari nilai  $m$  yang tepat.

### SOALAN 10 (b)

(b) Seterusnya, hitung varians bagi taburan itu.

Hence, calculate the variance of the distribution.

Calon diminta **menghitung** varians bagi taburan kekerapan markah bagi sekumpulan murid.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$s^2 = \frac{3(42)^2 + 6(47)^2 + 11(52)^2 + 16(57)^2 + 10(62)^2 + 4(67)^2}{3+6+11+16+10+4} - (55.6)^2$$

$$s^2 = \frac{156670}{50} - (55.6)^2$$

$$\text{variance} = 42.04$$

Calon dapat menghitung varians taburan kekerapan markah bagi sekumpulan murid menggunakan rumus varians.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\text{varians} : \frac{\sum fx^2}{\sum f} - \bar{x}^2$$

$$= \frac{(3 \times 1764) + (6 \times 2209) + (11 \times 2704) + (16 \times 3249) + (10 \times 3844) + (4 \times 4489)}{3+6+11+16+10+4}$$

$$= \frac{129630}{40}$$

$$= 3240.75 - (55.6)^2$$

$$= 149.39$$

Calon menghitung varians taburan kekerapan markah bagi sekumpulan murid menggunakan rumus varians tetapi menggunakan nilai  $m$  yang salah yang diperoleh daripada 10 (a).

## 2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

- a) Membawa semua kelengkapan keperluan seperti alat geometri, kalkulator saintifik dan pembaris panjang serta mahir menggunakannya.
- b) Membaca soalan dengan teliti sebelum menjawab soalan supaya memahami kehendak soalan.
- c) Menggunakan kaedah yang betul seperti yang dikehendaki oleh soalan.
- d) Menguasai semua kemahiran operasi asas matematik seperti kurungan, kuasa, bahagi, darab, tambah dan tolak serta tertib penyelesaian yang betul.
- e) Menunjukkan langkah penyelesaian dengan kemas di ruang jawapan yang disediakan.
- f) Pembundaran hanya boleh dilakukan pada jawapan akhir tepat kepada dua tempat perpuluhan atau empat angka bererti.
- g) Menggunakan semua maklumat diberi dalam soalan dengan betul dan tepat.
- h) Memberi semua jawapan akhir dalam sebutan teringkas.
- i) Menggunakan senarai rumus Matematik yang disediakan dalam kertas soalan serta menggantikan nilai yang betul dalam rumus yang digunakan.
- j) Membuat latihan yang mencukupi dengan menjawab soalan yang mirip soalan peperiksaan sebenar.
- k) Membuat latihan berbentuk penyelesaian masalah yang melibatkan situasi harian supaya mahir menjawab soalan KBAT.
- l) Menulis jawapan dan langkah-langkah penyelesaian dengan kemas dan teratur mengikut kehendak soalan.
- m) Memberi jawapan dalam Bahasa Melayu sahaja atau Bahasa Inggeris sahaja dan bukan campuran kedua-dua bahasa.
- n) Mengulang kaji semua topik daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- o) Memperuntukkan masa yang secukupnya untuk menyemak semula semua langkah penyelesaian dan jawapan anda.
- p) Menjawab soalan yang lebih mudah dahulu semasa peperiksaan.

### 2.3.2 Guru

- a) Mengajar semua topik yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- b) Melatih murid dengan kemahiran operasi asas seperti pengendalian kurungan, kuasa, bahagi, darab, tambah dan tolak dengan mengikut tertib penyelesaian yang betul.
- c) Membimbing murid untuk menjawab soalan dengan menggunakan maklumat diberi dalam soalan, memahami tugas dan menyelesaikan soalan menggunakan langkah yang sistematik, kemas dan memberikan jawapan dengan lengkap.
- d) Memberi penekanan kepada konsep, prinsip dan teorem untuk meningkatkan kefahaman murid.
- e) Memberi pelbagai latihan yang mencukupi dan terangkan kelemahan dan kesilapan biasa murid.
- f) Memberi pendedahan panduan menjawab soalan mengikut format peperiksaan SPM.
- g) Melatih murid menguasai konsep algebra.
- h) Melatih murid menggunakan kalkulator dengan betul. Nasihati murid bahawa penggunaan kalkulator hanya untuk membantu pengiraan mendapatkan jawapan bukan untuk meringkaskan jalan kerja.
- i) Memastikan murid menggunakan nombor perpuluhan sehingga empat angka bererti dalam langkah kerja dan membundarkan jawapan akhir kepada dua tempat perpuluhan. Untuk soalan yang melibatkan sudut dalam darjah, dua tempat perpuluhan harus digunakan dalam langkah kerja dan satu tempat perpuluhan untuk jawapan akhir.
- j) Melatih murid menulis langkah penyelesaian dengan teratur, jelas dan kemas.
- k) Memberikan motivasi kepada murid mengenai kepentingan matematik dalam kehidupan seharian.
- l) Menggunakan pelbagai kaedah dalam pembelajaran dan pengajaran untuk menarik minat murid untuk belajar.
- m) Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid untuk diberikan latihan yang bersesuaian.
- n) Memberikan latihan yang mencukupi setelah selesai mengajar setiap topik.
- o) Memberikan perhatian kepada jalan kerja murid dan membetulkan kesilapan mereka.
- p) Membimbing murid dengan kemahiran menyelesaikan masalah bagi membiasakan murid menjawab soalan KBAT.
- q) Melatih murid kemahiran mengendalikan jadual, plot dan penggunaan skala yang betul apabila melukis graf.
- r) Menggunakan peralatan dan perisian ICT untuk membantu murid memahami konsep dengan lebih mudah.

## **2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B**

### **2.4.1 Prestasi Keseluruhan**

Pada keseluruhannya, calon kurang memahami kehendak soalan yang dikemukakan dan tidak berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dalam bahagian ini. Calon hanya boleh menjawab soalan aras kesukaran rendah.

### **2.4.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat memahami soalan yang dikemukakan dengan baik dan berupaya memberi jawapan yang dikehendaki. Langkah kerja yang ditunjukkan adalah sempurna. Mereka juga boleh mengaplikasikan rumus dan kaedah yang betul serta memberi penyelesaian mengikut kehendak soalan dengan tepat. Selain itu, mereka berupaya menyelesaikan soalan KBAT.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon kurang memahami kehendak soalan. Calon dalam kumpulan ini tidak berupaya untuk menggunakan maklumat yang diberikan dalam soalan KBAT untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka dapat menyelesaikan soalan aras kesukaran rendah dan sederhana sahaja.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### SOALAN 11 (a)

- 11 Rajah 5 di ruang jawapan pada halaman 19 menunjukkan beberapa poligon yang dilukis pada suatu satah Cartes.

*Diagram 5 in the answer space on page 19 shows a few polygons drawn on a Cartesian plane.*

- (a) Senaraikan **dua** pasangan poligon yang kongruen.

*List two pairs of polygons which are congruent.*

Calon dikehendaki **menyenaraikan** dua pasangan poligon yang kongruen.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (a) Triangle DEF and Triangle DGF  
Triangle DEJ and Triangle DGJ

Calon dapat menyenaraikan dua pasangan poligon yang kongruen dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana


- (a) E J F & G J F

Calon hanya dapat menyenaraikan satu pasangan poligon yang kongruen.

**SOALAN 11 (b)**

- (b) Pada ruang jawapan, lukis imej bagi segi tiga  $CDG$  di bawah putaran  $90^\circ$  arah jam pada pusat  $D$ .


*In the answer space, draw the image of the triangle  $CDG$  under a clockwise rotation of  $90^\circ$  about the centre  $D$ .*



Rajah 5  
Diagram 5


Calon dikehendaki **melukis** imej bagi segi tiga  $CDG$  di bawah putaran  $90^\circ$  arah jam pada pusat  $D$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat melukis imej bagi  $CDG$  dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon dapat membuat putaran yang betul bagi bucu  $C$  sahaja.



### SOALAN 11 (c)

- (c) Segi tiga  $BCJ$  ialah imej bagi segi tiga  $EFJ$  di bawah gabungan transformasi  $PQ$ . Huraikan selengkapnya transformasi:

*Triangle  $BCJ$  is the image of triangle  $EFJ$  under the combined transformation  $PQ$ . Describe, in full, the transformation:*

- (i)  $Q$ ,
- (ii)  $P$ .

Calon dikehendaki **menghuraikan** selengkapnya transformasi  $Q$  dan transformasi  $P$  daripada gabungan transformasi  $PQ$ , berdasarkan rajah objek dan rajah imej yang diberi.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (i) Reflection on line  $x = 3$ .
- (ii) Enlargement at centre  $(3, 0)$  with a scale factor 2.

$$\begin{aligned} JG &= 6 - 3 \\ &= 3 & k &= \frac{6}{3} \\ JC &= 9 - 3 & &= 2 \\ &= 6 \end{aligned}$$

Calon menghuraikan dengan lengkap transformasi  $Q$  dan transformasi  $P$  yang melibatkan pantulan dan pembesaran.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (i)  $Q$  = pantulan pada paksi  $-x = 3$
- (ii)  $P$  = pembesaran pada pusat  $(3, 0)$  dengan faktor skala  $k = 2$

Calon menamakan transformasi  $Q$  dan transformasi  $P$  dengan betul tetapi huraian yang diberikan tidak tepat.


## SOALAN 12 (a)

- 12 Anda **tidak** dibenarkan menggunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini. Garis padu halus untuk garis binaan mestilah ditunjukkan. Anda mesti menggunakan pensel BB atau 2B dan pensel HB.

*You are **not** allowed to use the graph paper to answer this question. Thin solid lines for construction lines must be shown. You must use BB or 2B pencils and HB pencil.*

Rajah 6 menunjukkan gabungan dua buah prisma tegak masing-masing dengan tapak segi empat tepat  $ABCD$  dan tapak  $BCRNPQ$  yang terletak pada satah mengufuk. Sebuah semi silinder dikeluarkan daripada salah satu prisma tersebut.  $AFGKLPQB$  ialah keratan rentas seragam objek. Tepi  $AF$ ,  $DE$ ,  $BK$ , dan  $CJ$  adalah tegak. Diberi bahawa  $AF = DE = EH = FG = JM = KL = QP = RN$ ,  $BK = CJ = HJ = GK$  dan diameter semi silinder ialah 3 cm.

*Diagram 6 shows the composite of two right prisms with the rectangular bases  $ABCD$  and  $BCRNPQ$  respectively which lies on a horizontal plane. A semi-cylinder is taken out from one of the prisms.  $AFGKLPQB$  is the uniform cross-section of the object. Edges  $AF$ ,  $DE$ ,  $BK$ , and  $CJ$  are vertical. It is given that  $AF = DE = EH = FG = JM = KL = QP = RN$ ,  $BK = CJ = HJ = GK$  and the diameter of the semi-cylinder is 3 cm.*




Rajah 6  
Diagram 6

Lukis dengan skala penuh,

*Draw to full scale,*

- (a) dongakan objek itu pada satah mencancang yang selari dengan  $AB$  dan  $QP$  sebagaimana dilihat dari arah  $X$ .

*the elevation of the object on vertical plane parallel to  $AB$  and  $QP$  as viewed from  $X$ .*



Rajah 6  
Diagram 6

Lukis dengan skala penuh,


*Draw to full scale,*

- (a) dongakan objek itu pada satah mencancang yang selari dengan  $AB$  dan  $QP$  sebagaimana dilihat dari arah  $X$ .

*the elevation of the object on vertical plane parallel to  $AB$  and  $QP$  as viewed from  $X$ .*


Calon dikehendaki **melukis** dengan skala penuh dongakan objek yang diberi pada satah mencancang selari dengan  $AB$  dan  $QP$  sebagaimana dilihat dari arah  $X$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon melukis rajah dongakan gabungan pepejal dengan skala penuh pada satah mencancang yang selari dengan  $AB$  dan  $QP$  sebagaimana dilihat dari  $X$  dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon melukis rajah dongakan gabungan pepejal dengan skala penuh pada satah mencancang yang selari dengan  $AB$  dan  $QP$  sebagaimana dilihat dari  $X$ , namun terdapat garis tebal (bold line) dan garis lebihan (extension).


**SOALAN 12 (b)**

(b) dongakan objek itu pada satah mencancang yang selari dengan  $LM$  sebagaimana dilihat dari arah  $Y$ .

*the elevation of the object on vertical plane parallel to  $LM$  as viewed from  $Y$ .*


Calon dikehendaki **melukis** dengan skala penuh dongakan objek yang diberi pada satah mencancang selari dengan  $LM$  sebagaimana dilihat dari arah  $Y$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**



Calon melukis rajah dongakan gabungan pepejal dengan skala penuh pada satah mencancang yang selari dengan  $LM$  sebagaimana dilihat dari arah  $Y$  dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana



Calon melukis rajah dongakan pepejal dengan skala penuh pada satah mencancang yang selari dengan  $LM$  sebagaimana dilihat dari  $Y$  tetapi calon hanya melukis satu daripada dua garis putus-putus yang mewakili garis yang terlindung.

**SOALAN 13 (a)**

- 13 Cikgu Feeda mempunyai 12 kad nombor yang akan diberi kepada murid-muridnya. Jadual 4 menunjukkan maklumat tentang kad nombor yang diterima oleh murid-murid itu.

*Cikgu Feeda has 12 numbered cards that will be given to her students. Table 4 shows the information of the numbered cards received by the students.*

<b>Murid</b> <i>Student</i>	<b>Kad-kad nombor yang diterima</b> <i>Numbered cards received</i>
Joe	Nombor perdana kurang daripada 10 <i>Prime numbers which are less than 10</i>
Karl	Gandaan bagi 2 kurang daripada 9 <i>Multiples of 2 which are less than 9</i>
Liam	Faktor bagi 15 <i>Factors of 15</i>

Jadual 4  
Table 4

- (a) Senaraikan semua nombor yang diterima oleh Joe, Karl dan Liam dengan menggunakan tatatanda set.

*List all numbers received by Joe, Karl and Liam by using set notation.*

Calon dikehendaki **menyenaraikan** semua nombor yang diterima oleh Joe, Karl dan Liam dengan menggunakan tatatanda set.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) Kad nombor yang diterima oleh Joe:  $\{ 2, 3, 5, 7 \}$   
*Numbered cards received by Joe*

Kad nombor yang diterima oleh Karl:  $\{ 2, 4, 6, 8 \}$   
*Numbered cards received by Karl*

Kad nombor yang diterima oleh Liam:  $\{ 1, 3, 5, 15 \}$   
*Numbered cards received by Liam*

Calon menyenaraikan semua set nombor pada kad yang diterima oleh Joe, Karl dan Liam dengan menggunakan tatatanda set.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a) Kad nombor yang diterima oleh Joe:  $\{ 1, 2, 3, 5, 7, 9 \}$   
*Numbered cards received by Joe*

Kad nombor yang diterima oleh Karl:  $\{ 2, 4, 6, 8 \}$   
*Numbered cards received by Karl*

Kad nombor yang diterima oleh Liam:  $\{ 1, 3, 5, 15 \}$   
*Numbered cards received by Liam*

Calon menyenaraikan dengan betul, dua daripada tiga set nombor pada kad yang diterima oleh Joe, Karl dan Liam dengan menggunakan tatatanda set.


**SOALAN 13 (b)(i)**

- (b) (i) Lukis satu gambar rajah Venn untuk menunjukkan hubungan antara ketiga-tiga set yang anda nyatakan di 13(a). Anda mesti menggunakan huruf *J* untuk Joe, huruf *K* untuk Karl dan huruf *L* untuk Liam.

*Draw a Venn diagram to show the relation between all the three sets that you mentioned in 13(a). You must use letter *J* for Joe, letter *K* for Karl and letter *L* for Liam.*


Calon dikehendaki **melukis** gambar rajah Venn untuk menunjukkan hubungan antara ketiga-tiga set yang dinyatakan dalam 13 (a).

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**



Calon melukis gambar rajah Venn untuk menunjukkan hubungan antara ketiga-tiga set yang dinyatakan dalam 13 (a) dengan label dan unsur yang betul.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**



Calon melukis dan melabel gambar rajah Venn dengan betul tetapi senarai unsur di dalam set tersebut tidak lengkap.



**SOALAN 13 (b)(ii)**

- (ii) Seterusnya, wakilkan kawasan yang mengandungi nombor-nombor berbeza antara mereka dengan menggunakan simbol 'U' dan/atau simbol '∩'.

*Hence, represent the regions that contain the different numbers between them by using symbols 'U' and/or '∩'.*

Calon dikehendaki **mewakulkan** kawasan yang mengandungi nombor-nombor berbeza antara set  $J$ ,  $K$  dan  $L$  dengan menggunakan simbol "U" dan/atau simbol "∩".

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$(L \cap J)' \cup (J \cap K)'$$

Calon mewakulkan kawasan yang mengandungi nombor-nombor berbeza antara set  $J$ ,  $K$  dan  $L$  dengan menggunakan simbol "U" dan/atau simbol "∩" dengan betul.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$J' \cap L'$$

Calon mewakulkan sebahagian kawasan yang dikehendaki sahaja.

### SOALAN 14 (a)

- 14 Lisa dan adiknya memenangi tiga keping baucar yang nilainya berjumlah RM125 dalam suatu cabutan bertuah sempena pembukaan sebuah bakeri. Pada suatu hari tertentu, Lisa membeli 3 keping pizza dan 6 biji kek cawan dengan menggunakan baucar pertama yang bernilai RM45. Keesokan harinya, adiknya membeli 7 keping pizza dengan menggunakan baucar kedua yang juga bernilai RM45. Walau bagaimanapun, nilai baucar kedua itu tidak mencukupi dan dia perlu menambah sejumlah wang tunai yang bersamaan dengan harga sebiji kek cawan.

*Lisa and her sister won three vouchers with the total value of RM125 in a lucky draw in conjunction with the opening of a bakery. On a particular day, Lisa buys 3 slices of pizzas and 6 cupcakes by using the first voucher worth RM45. The next day, her sister buys 7 slices of pizzas by using the second voucher also worth RM45. However, the value of the second voucher is insufficient and she needs to add some cash which is equal to the price of a cupcake.*

- (a) Menggunakan kaedah matriks, cari harga, dalam RM, sekeping pizza dan sebiji kek cawan.

*Using matrix method, find the price, in RM, of a slice of pizza and of a cupcake.*

Calon dikehendaki **mencari** harga, dalam RM, sekeping pizza dan sebiji kek cawan menggunakan kaedah matriks.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} 3x + 6y &= 45 \\ 7x &= 45 + y \\ 7x - y &= 45 \end{aligned} \quad \begin{aligned} \begin{bmatrix} 3 & 6 \\ 7 & -1 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} &= \begin{bmatrix} 45 \\ 45 \end{bmatrix} \\ \begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} &= \frac{1}{3(-1) - (6)(7)} \begin{bmatrix} -1 & -6 \\ -7 & 3 \end{bmatrix} \begin{bmatrix} 45 \\ 45 \end{bmatrix} \\ &= -\frac{1}{45} \begin{bmatrix} -315 \\ -180 \end{bmatrix} \\ &= \begin{bmatrix} 7 \\ 4 \end{bmatrix} \end{aligned}$$

prices of pizza,  $x = \text{RM } 7$

prices of cupcake,  $y = \text{RM } 4$

Calon membentuk persamaan linear serentak berdasarkan maklumat yang diberi. Seterusnya, calon menggunakan kaedah matriks untuk mencari harga, dalam RM, sekeping pizza dan sebiji kek cawan dengan langkah kerja yang sistematik.

